

BUDAYA BELAJAR BUKAN BERORIENTASIKAN PEPERIKSAAN

Pemikiran berorientasikan peperiksaan sudah berakar umbi sejak peperiksaan awam diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara seawal sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan lagi. Guru, murid dan ibu bapa sudah lama cenderung untuk memberikan tumpuan terhadap pencapaian gred dan skor ujian, dan bukannya terhadap proses pembelajaran dan perkembangan individu.

Jika diimbaz kronologi peperiksaan awam utama negara, Unit Peperiksaan ditubuhkan pada tahun 1956 sebelum *Malayan Secondary School Entrance Examination* (MSSEE), Peperiksaan *Lower Certificate of Education* (LCE) dan Peperiksaan *School Certificate (SC)/Federation of Malaya Certificate (FMC)* diperkenalkan pada tahun 1957. Pada tahun 1960, Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dilaksanakan sebagai penilaian sumatif murid menengah rendah dan pada tahun 1964, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dilaksanakan sebagai penilaian sumatif murid sekolah menengah. Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) diperkenalkan di

semua sekolah rendah pada tahun 1988. Pada tahun 1993, peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) menggantikan SRP sepenuhnya sebelum peperiksaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dilaksanakan pada tahun 2016. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pula diperkenalkan pada tahun 1988. Terkini, berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 15 April 2020 telah membuat keputusan untuk memansuhkan UPSR dan PT3.

Dari perspektif umum, peperiksaan sebenarnya mempunyai kebaikan dan kelemahan yang tersendiri. Jika dilihat dari sudut positifnya, murid sentiasa berada dalam persekitaran yang kompetitif, yakni peperiksaan bukan sahaja dapat menjana persaingan dalam kalangan murid, malah menjadi satu dorongan dan tonik dalam kehidupan. Setiap tahun, berjuta-juta murid di seluruh dunia mengambil peperiksaan dan mencapai gred yang baik bagi membuktikan bahawa setiap daripada mereka adalah yang terbaik. Persaingan ini menggalakkan murid untuk bekerja lebih keras dan bertindak sebagai motivasi.

Perkara yang paling penting ialah murid belajar untuk menguruskan persaingan yang pasti mereka akan hadapi pada kemudian hari. Murid juga dapat menambahkan pengetahuan, selain mempelajari serta memahami setiap konsep untuk menjawab soalan peperiksaan. Peperiksaan dapat memberikan peluang kepada murid untuk meneroka ilmu pengetahuan baharu. Misalnya, apabila murid tidak menemui istilah yang dicari dalam buku, mereka perlu meminta bantuan daripada guru mahupun meneroka sendiri maksud dan konsep tertentu daripada pelbagai sumber seperti Internet dan sebagainya.

Melalui proses ini, pengetahuan murid untuk sesuatu subjek itu meningkat. Peperiksaan menjadikan murid lebih berkeyakinan dan dapat memberikan gambaran sebenar terhadap keupayaan individu tersebut. Apabila murid mempelajari apa-apa yang telah dibaca dan difahami, maka hal ini dapat meningkatkan daya ingatan jangka panjang dengan lebih berkesan. Dengan mempraktikkannya berulang kali, murid dapat meningkatkan kemahiran

pembelajaran mereka dan lebih banyak pengetahuan dapat disimpan dalam minda mereka dalam tempoh yang singkat.

Jika dilihat dari sudut sebaliknya, peperiksaan dikatakan boleh mendatangkan kebimbangan dan ketegangan dalam kalangan murid. Sebaik-baik sahaja musim peperiksaan tiba, murid akan berasa tertekan dan mengalami kebimbangan. Tekanan untuk mendapat markah yang lebih baik dalam peperiksaan dan bimbang gagal dalam peperiksaan boleh menjadikan kehidupan mereka begitu mencabar. Sesetengah tekanan mungkin diperlukan yang mendorong murid untuk terus belajar, tetapi tekanan yang melampau boleh menyebabkan masalah kesihatan mental yang lebih serius. Terdapat kajian yang menyatakan bahawa untuk mendapat markah yang baik, murid kebiasaannya lebih menumpukan pada latihan hafalan dan mengabaikan konsep. Mereka menerima gred yang baik hasil daripada amalan tersebut, tetapi memori mengenai pengetahuan tersebut berkurangan kerana selepas beberapa hari, kebanyakan murid akan lupa perkara yang dipelajarinya.


Pendekatan ini meminimumkan keupayaan praktikal murid. Gred yang diperoleh oleh pelajar dalam peperiksaan tidak dapat menjamin kejayaan dalam realiti kehidupan murid. Peperiksaan bukanlah sumber tepat untuk menghakimi pengetahuan dan kecerdasan murid. Jika murid mendapat markah yang baik sepanjang tahun, tetapi mendapat keputusan yang mengecewakan pada hari peperiksaan atas sebab tertentu, adakah adil untuk menyatakan murid tersebut tidak berjaya atau tidak mempunyai sebarang pengetahuan? Adakah adil murid dinilai berdasarkan sekeping kertas sewaktu peperiksaan sebenar? Semasa peperiksaan, murid mungkin takut menerima gred buruk, yang akhirnya memusnahkan kegembiraan mereka. Murid yang tertekan lebih berkemungkinan mengalami kemurungan dan hal ini boleh sangat berbahaya kepada kesihatan mental mereka. Kemurungan yang berpunca daripada peperiksaan boleh memberikan kesan yang sangat buruk.

Peperiksaan juga mewujudkan perbandingan antara murid. Murid yang mendapat markah D dalam mata

pelajaran Matematik, pastinya mereka akan dibandingkan dengan mereka yang mendapat A. Kapasiti pembelajaran adalah berbeza bagi setiap murid. Masalah ketara yang disebabkan oleh peperiksaan ialah perbandingan yang dibuat antara murid, mengabaikan hakikat bahawa semua individu adalah berbeza antara satu sama lain. Sesetengah murid mempelajari konsep baharu dengan cekap, manakala yang lain lebih mahir dalam sukan.

Selaras dengan pemansuhan peperiksaan UPSR dan PT3 dalam sistem pendidikan negara, banyak pihak menyarankan agar perkembangan dan potensi individu diberi perhatian daripada memfokuskan kepada pencapaian akademik semata-mata. Sekolah sepatutnya menjadi tempat utama untuk murid belajar bagi mengasah potensi murid secara menyeluruh. Namun begitu, cabaran utama adalah untuk memupuk budaya belajar dalam kalangan murid tanpa berorientasikan peperiksaan. Di sekolah yang mengamalkan budaya belajar, murid menunjukkan semangat dan melaksanakan proses belajar mereka sendiri. Mereka melibatkan diri secara aktif dalam kelas, tidak malu bertanya dan selalu bermotivasi untuk mengembangkan potensi diri secara holistik, dan tidak hanya untuk memenuhi keperluan akademik semata-mata. Memupuk budaya belajar dalam kalangan murid adalah usaha seluruh warga sekolah yang akan wujudnya hubungan saling percaya dalam warga sekolah yang sentiasa mencetuskan rasa ingin tahu dan minat murid dalam belajar. Oleh sebab itu, wujudkan dan berikan peluang kepada setiap murid untuk mengembangkan bakatnya sesuai dengan kebolehan masing-masing. Kemeriahan dan perkembangan setiap murid seharusnya menjadi matlamat utama dalam setiap inisiatif yang dilaksanakan dalam ekosistem sesebuah sekolah.

Memupuk budaya belajar bukan berteraskan peperiksaan merupakan usaha yang perlu dilakukan secara berterusan. Membentuk satu budaya yang terbentuk secara semula jadi tidak mengambil masa setahun dua, namun mungkin memerlukan masa sehingga bertahun-tahun lamanya. Prinsip utama untuk memupuk budaya pembelajaran sudah pasti



Penerimaan peralihan sistem pendidikan tidak berorientasikan peperiksaan adalah bergantung pada dasar pendidikan negara.



Kegembiraan jelas terpancar bagi pelajar yang mampu menjawab soalan peperiksaan dengan baik.

melibatkan kepercayaan bersama dalam kalangan warga sekolah, murid dan ibu bapa bahawa setiap kanak-kanak mempunyai potensi dan mampu belajar, dan persekitaran yang selamat dan inklusif. Sebagai pensyarah universiti yang mendidik bakal guru sekolah, penulis sering mengingatkan kepada pelajar bahawa tiada gunanya mengejar untuk menghabiskan silibus sehingga tamat takwim sekolah, namun akhirnya murid tidak memperoleh sebarang manfaat. Sebaliknya, hal ini lebih bermakna sekiranya kita mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik, melibatkan murid secara aktif dalam kelas, dan akhirnya walaupun mungkin silibus tidak dapat dihabiskan, murid memperoleh dan dapat belajar sesuatu dalam kelas tersebut terutamanya murid yang mempunyai latar belakang akademik yang lemah.

Antara inisiatif untuk memupuk budaya belajar yang bukan berteraskan peperiksaan melibatkan sokongan untuk semua murid dan sistem pengurusan murid yang komprehensif. Hal ini memberikan fokus kepada pembelajaran berkualiti dan mewujudkan budaya yang membolehkan murid belajar mengikut rentak sendiri dengan baik. Kemudian, dapat mewujudkan sistem yang menghargai bakat individu agar setiap murid berasa mereka dihargai. Hal ini dapat dicapai dengan memastikan semua murid terlibat dalam tugas pembelajaran yang bermakna kepada mereka. Struktur sokongan untuk murid yang memerlukan dalam bentuk sesi bimbingan pembelajaran selepas sekolah juga perlu disediakan. Hal ini bertujuan untuk memberikan lebih banyak peluang kepada mereka yang mempunyai semangat ingin belajar yang tinggi. Ekosistem sekolah yang menggalakkan dan memudahkan perbincangan murid dengan guru selepas sekolah juga boleh mengurangkan pemikiran berteraskan peperiksaan. Pihak guru boleh menggunakan strategi yang berkesan untuk menggalakkan tingkah laku yang sesuai dan diingini.

Terdapat beberapa langkah yang dapat membantu mengubah pemikiran murid menjadi kurang

berorientasikan peperiksaan. Antaranya termasuklah mengkaji semula tujuan pembelajaran, iaitu semak semula pembelajaran sebagai proses perkembangan individu dan pembelajaran sepanjang hayat. Tekankan ganjaran intrinsik pembelajaran, seperti kegembiraan, keseronokan dan kepuasan hasil daripada penemuan dan penguasaan konsep dan proses pembelajaran daripada memfokuskan gred. Sebaliknya, menekankan kepentingan proses pembelajaran termasuklah pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan kreativiti.

Para pendidik perlu memupuk pengembangan minda dengan cara menggalakkan murid untuk melihat cabaran sebagai peluang untuk perkembangan dan pembelajaran, bukannya sebagai halangan. Ajarilah mereka untuk melihat kegagalan sebagai satu perkara yang biasa dan semula jadi dalam proses pembelajaran, dan melihat kesilapan yang terjadi sebagai peluang untuk terus berkembang. Pada masa yang sama, guru perlu menerapkan pandangan holistik tentang pendidikan, iaitu menggalakkan murid melihat pendidikan sebagai pengalaman menyeluruh yang melibatkan bukan sahaja akademik, malah juga aktiviti kokurikulum, pembangunan individu, dan perkembangan sosial dan emosi.

Hal ini selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu, di samping mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Oleh hal yang demikian, hargailah kejayaan di luar peperiksaan, iaitu meraikan pencapaian dan kejayaan murid seperti kreativiti, kepimpinan, kerja berpasukan dan perkembangan individu. Dengan memberikan tumpuan kepada proses pembelajaran dan perkembangan individu, dan dengan menggalakkan pengembangan minda murid, guru boleh membantu murid membangunkan minda yang kurang berorientasikan peperiksaan dan memperoleh pengalaman pendidikan yang lebih holistik dan bermakna.

Kebanyakan negara yang mempunyai sistem pendidikan yang melahirkan murid sekolah yang cemerlang hanya mempunyai peperiksaan standard bagi tujuan kemasukan ke universiti. Singapura umpamanya, peperiksaan utama untuk murid melibatkan *Singapore-Cambridge GCE (O-Level)* untuk pendidikan menengah dan *International Baccalaureate Diploma Programme (IBDP)* untuk pendidikan prauniversiti. O-Level diambil oleh murid pada akhir tahun keempat pendidikan menengah mereka, manakala IBDP diambil pada penghujung pendidikan prauniversiti selama dua tahun. Kedua-dua peperiksaan tersebut diiktiraf pada peringkat antarabangsa dan digunakan untuk kemasukan ke universiti di seluruh dunia. Di Korea Selatan, peperiksaan utama untuk murid sekolah menengah ialah *College Scholastic Ability Test (CSAT)*. CSAT ialah ujian piawai kebangsaan yang menentukan kemasukan universiti murid. Pada kebiasaannya, hal ini diambil oleh murid di tahun ketiga sekolah menengah mereka dan melibatkan persaingan yang sengit. Markah daripada CSAT digunakan untuk kemasukan universiti dan juga memainkan peranan penting dalam menentukan peluang kerjaya masa depan murid. Di Jepun, peperiksaan utama untuk murid sekolah menengah ialah *National Center Test* untuk kemasukan ke universiti. Peperiksaan ini kebiasaannya diambil oleh murid semasa tahun ketiga sekolah menengah mereka dan digunakan untuk menentukan kemasukan universiti mereka. Skor daripada *National Center Test* untuk kemasukan universiti memainkan peranan penting dalam peluang kerjaya dan pendidikan masa depan murid. Selain itu, terdapat juga peperiksaan kemasukan untuk universiti dan kolej tertentu yang boleh diambil oleh murid selepas menamatkan *National Center Test*.

Terdapat beberapa negara yang telah beralih daripada sistem pendidikan berorientasikan peperiksaan dan memberikan lebih penekanan kepada pembelajaran berpusatkan murid dan pembangunan kemahiran praktikal. Antaranya Finland, apabila sistem pendidikan negara tersebut terkenal dengan fokusnya kepada pembelajaran berpusatkan murid, iaitu dengan penekanan pada kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis berbanding

dengan peperiksaan. Selain itu, Singapura juga telah berusaha untuk beralih daripada sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan semata-mata, iaitu dengan lebih memfokuskan kepada pembangunan kemahiran insaniah seperti kreativiti, pemikiran kritis dan kerja berpasukan. United Kingdom juga telah membuat perubahan ketara pada sistem pendidikannya, dengan tumpuan pada pendidikan yang lebih holistik yang merangkumi kemahiran praktikal dan pengalaman dunia sebenar. Sistem pendidikan Australia pula memberikan penekanan kepada pembelajaran berpusatkan murid dan pembangunan kemahiran praktikal, dengan tumpuan kepada pengalaman praktikal dan penilaian berasaskan projek.

Peralihan daripada sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan kepada yang tidak berorientasikan peperiksaan bergantung pada pelbagai faktor seperti dasar pendidikan negara, pandangan warga guru dan ibu bapa, serta sikap murid. Di sesetengah negara, sistem pendidikan sudah beralih daripada pendekatan berorientasikan peperiksaan dan memberikan lebih penekanan kepada pembelajaran berpusatkan murid dan pembangunan kemahiran praktikal. Peralihan ini boleh mengambil masa beberapa tahun kerana memerlukan perubahan dalam kaedah pengajaran, kaedah pentaksiran, dan keseluruhan kurikulum itu sendiri. Walau bagaimanapun, di negara lain, perubahan mungkin lebih perlahan dan memerlukan lebih banyak masa kerana peralihan daripada sistem pendidikan berorientasikan peperiksaan mungkin mendapat tentangan daripada guru, ibu bapa dan murid yang sudah biasa dengan pendekatan tradisional. Secara umumnya, peralihan daripada sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan kepada yang lebih berpusatkan murid boleh menjadi proses jangka panjang dan bergantung pada pelbagai faktor, termasuklah dasar pendidikan, sikap, budaya dan pandangan pihak berkepentingan. □

Profesor Madya Dr. Abdul Halim Abdullah, Pensyarah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.

